# Anak-beranak sambung legasi ayah ibu sebagai alumni UPM

**Oleh: Nurul Ezzaty Mohd Azhari**
**Foto: Muhammad Ezham Hussin**

**SERDANG, 1 Disember** - Dua beradik Nur Sofea Qistina Zulkarnain, 26, dan Muhammad Aiman Hakim Zulkarnain, 24 berkongsi pentas konvokesyen yang sama apabila masing-masing meneruskan pengajian Ijazah Sarjana Muda di UPM seperti kedua ibu bapa mereka yang merupakan alumni UPM.

LIHAT JUGA


Fatin Amirah YDPA M
(/berita/fatin_amirah_


UPM dan My Cytohec
regeneratif untuk haiv
(/berita/upm_dan_my_
ubatan_regeneratif_u


Tambah pendapatan
Ramadan
(/berita/tambah_pend
r_ramadan-72260)

pertanyaan selanjutnya

Universiti Putra Malaysia
43400 UPM Serdang
Selangor Darul Ehsan

+603-9769 1000
+603-9769 1000
---
@ pspk@upm.edu.my (mailto:pspk@upm.edu.my)




Sofea yang menyambung pengajian dalam program Bacelor Sains Pembangunan Manusia dengan Kepujian berkata UPM menjadi pilihan utamanya sejak di bangku sekolah menengah lagi.

"Selain dekat dengan rumah, ibu dan ayah juga alumni UPM yang menyebabkan saya ingin menyambung pengajian di sini sejak sekolah menengah. Adik saya pula memang rezekinya daripada Asasi Sains Pertanian di UPM," katanya.

Menurut Aiman graduan Bacelor Sains Kepujian Sains Instrumentasi, permohonannya ke kampus lestari ini juga didorong oleh kedua ibu bapanya yang pernah menuntut ilmu di UPM.

"Saya melihat UPM mempunyai prestasi yang baik dan saya juga ingin menjadi hebat seperti ibu dan ayah saya yang merupakan produk keluaran UPM pada tahun 1993 (ayah) dan 1994 (ibu)," katanya.

Sementara itu, bapanya, Zulkarnain Abdullah berkata melihat prestasi kedudukan semasa UPM berkemungkinan universiti ini boleh menjadi universiti bereputasi tinggi dan menghasilkan lebih ramai insan yang berbakti kepada Malaysia.
Dalam pada itu, graduan Bacelor Sains Fizik, Adlin Umairah Azhan, 23 turut mengikut jejak langkah kedua ibu bapanya menjadi alumni Fakulti Sains.

Entiti Kami
Dokumen
Newsletter
Tetapan




Katanya ke mana tumpahnya kuah, kalau tidak ke nasi apabila beliau turut menyambung Ijazah Sarjana Muda di Jabatan Fizik seperti ayahnya dahulu manakala ibunya pula di Jabatan Kimia.

"Ayah saya sejak Matrikulasi sehingga tamat PhD merupakan produk keluaran UPM dan kini merupakan Dekan Fakulti Perladangan dan Agroteknologi UiTM Jasin manakala ibu saya pula bermula Matrik sehingga Master di sini," katanya. - UPM

Tarikh Input: 01/12/2022 | Kemaskini: 01/12/2022 | hairul_nizam

**PERKONGSIAN MEDIA**

(https://www.addtoany.com/share#url=https%3A%2F%2Fwww.upm.edu.my%2Fberita%2Fanak_beranak_sambung_legasi_ayah_ibu_sebagai_alumni_upm-70302&title=Anak-beranak%20Sambung%20Legasi%20Ayah%20Ibu%20Sebagai%20Alumni%20UPM%20%7C%20Universiti%20Putra%20Malaysia)
(/#facebook) (/#twitter) (/#linkedin) (/#email) (/#copy_link) (/#wordpress) (/#print)

+603-9769 1000

-

pspk@upm.edu.my

TALIAN KECEMASAN

BAHAGIAN KESELAMATAN UPM (24 JAM)

03-9769 7990 | 03-9769 7470 | 03-9769 1999

Jawatan Kosong (http://spj.upm.edu.my/)

Sistem Baik Pulih ICT (http://zonict.upm.edu.my/)

Putra Learning Hub (http://learninghub.upm.edu.my/)

Sistem Pengurusan Perubatan (http://regmedic.upm.edu.my/)

Sistem E-Claim (http://eclaims.upm.edu.my/login/)

i-GIMS (staf) (http://www.sps.upm.edu.my:8080/igims/index.jsp)

i-GIMS (pelajar pascasiswazah) (http://sgsportal.upm.edu.my:8080/sgsportal/)

Sistem Maklumat Pelajar (pelajar prasiswazah) (http://smp.upm.edu.my/smp/action/security/loginSmpSetup)

Multimedia Super Corridor (https://mdec.my/msc-malaysia/)

Portal myGovernment (https://www.malaysia.gov.my/)

Agensi Kelayakan Malaysia (https://www.mqa.gov.my/)

Dana Wakaf Ilmu (http://www.wazan.upm.edu.my)

Penerbitan UPM (http://www.upm.edu.my/kandungan/Penerbitan_UPM-29859)

UPM Flywire (https://landing-pages.flywire.com/landing/upm)

Takwim UPM 2023 (https://pspk.upm.edu.my/upload/dokumen/20221222122346LAMPIRAN_1_TAKWIM_MAJLIS_RASMI_UPM_2023.pdf)

(http://www.psasir.upm.edu.my/)

(http://sgsportal.upm.edu.my:8080/sgsportal/)

(http://reg.upm.edu.my/eISO/)

Entiti Kami

Dokumen

Newsletter

Tetapan

Dasar Privasi (/footnote/dasar_privasi-29949) Hakcipta (/footnote/hakcipta-29950) RSS (/rss) Penafian (/footnote/penafian-29938) Bantuan (/footnote/bantuan-29937) UPM online (/footnote/upm_online-38695) Dasar Keselamatan (/footnote/dasar_keselamatan-29939)

© 2023 Universiti Putra Malaysia

LANGGAN MELALUI EMAIL Emel anda HANTAR